



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PELANTIKAN PENERUSI SURUHANJAYA TENAGA (ST) BAHARU BERMULA 1 JANUARI 2026

PUTRAJAYA, 19 Disember 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) mengumumkan pelantikan **YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon** sebagai **Pengerusi Suruhanjaya Tenaga** untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa **1 Januari 2026**. PETRA merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau di atas pelantikan ini.

Pelantikan ini dibuat selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 5, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610] dengan persetujuan YAB Perdana Menteri selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan gas.

YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon, 59 tahun merupakan graduan Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun dan pemegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau telah menabur bakti dalam perkhidmatan awam selama 31 tahun, bermula sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

PETRA menzahirkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada **YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara** atas khidmat bakti beliau sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
19 Disember 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

